

## **TAJUK PROJEK**

Aplikasi e-LTJ

## **PENGENALAN**

Seiring dengan perkembangan teknologi masa kini, Aplikasi e-LTJ merupakan satu sistem penyimpanan data dan rekod dalam program Lawatan Terancang dan Berjadual (LTJ) dalam Program Pengembangan Veterinar. Pegawai Pengembangan akan memasukkan semua data yang diperolehi daripada Peserta LTJ melalui peranti seperti telefon pintar, terus di lapangan yang akan memudahkan cerapan data seperti data asas ternakan, maklumat penternak, tindakan pegawai pengembangan, dan juga maklumat petunjuk pengurusan dan indeks produktiviti serta kemudahan untuk peringatan mesra lawatan yang seterusnya. Aplikasi ini dijangka akan memudahkan sistem menjana laporan tertentu berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada peserta LTJ. Aplikasi ini turut membantu pegawai pengembangan dalam melaksanakan program LTJ dengan lebih sistematik.

## **LATAR BELAKANG PROJEK**

Idea untuk membangunkan aplikasi ini tercetus ketika saya menghadapi masalah untuk mencerap data di lapangan. Aplikasi e-LTJ merupakan satu sistem penyimpanan data dan rekod dalam program Lawatan Terancang dan Berjadual (LTJ) dalam Program Pengembangan Veterinar. Pegawai Pengembangan akan memasukkan semua data yang diperolehi daripada Peserta LTJ melalui peranti seperti telefon pintar, terus di lapangan yang akan memudahkan cerapan data seperti data asas ternakan, maklumat penternak, tindakan pegawai pengembangan, dan juga maklumat petunjuk pengurusan dan indeks produktiviti serta kemudahan untuk peringatan mesra lawatan yang seterusnya.

## **ISU / PERMASALAHAN PROJEK / SEBAB PROJEK DILAKSANAKAN**

Aplikasi ini dibangunkan memandangkan terdapat kesukaran dalam mencerap data kerana data yang dicerap semasa LTJ perlu di susun terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam komputer dan memerlukan masa yang panjang untuk menjana laporan. Pegawai pengembangan yang telah bertukar juga tidak akan menghadapi masalah sekiranya bertukar ke tempat lain kerana aplikasi ini akan menyimpan semua data yang telah dicerap.

### **Sebab Projek dilaksanakan**

Projek ini dilaksanakan untuk memudahkan semua pegawai pengembangan mencerap data di lapangan dengan hanya menggunakan telefon pintar dan tidak perlu membuang masa mencerap data menggunakan kaedah manual dan memberikan lebih banyak masa untuk pegawai pengembangan memberikan khidmat nasihat kepada peserta LTJ.

**MATLAMAT PROJEK**

1. Menyimpan data secara sistematik
2. Memastikan prosedur pencerapan data di lapangan dapat dilakukan dengan mudah
3. Memudahkan penjanaaan laporan LTJ

## SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK

### PENGGUNAAN BORANG MANUAL

**FORMAT DATA ASAS  
LEMBU PEDAGING BIBIT**



#### 1. MAKLUMAT PENTERNAK

##### 1.1 Biodata pengusaha

1.1.1 Nama : \_\_\_\_\_ No K.P : \_\_\_\_\_

1.1.2 Alamat Ladang : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ No Tel : \_\_\_\_\_

1.1.3 Alamat Rumah : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ No Tel : \_\_\_\_\_

1.1.4 Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_ Jantina : \_\_\_\_\_

1.1.5 Bangsa : \_\_\_\_\_ Pekerjaan : \_\_\_\_\_  
Pendapatan : \_\_\_\_\_

1.1.6 Tanggungjawab :

NAMA	UMUR	HUBUNGAN	KERJA/SEKOLAH

## SELEPAS PROJEK



## OUTPUT/OUTCOME/IMPAK PROJEK

Aplikasi ini dijangka akan memudahkan sistem menjana laporan tertentu berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada peserta LTJ. Aplikasi ini turut membantu pegawai pengembangan dalam melaksanakan program LTJ dengan lebih sistematik.